

**Muhyiddin Tiba Di Melbourne Untuk Lawatan Kerja
Bernama
10 November, 2012
Daripada Leslean Arshad**

MELBOURNE (Australia), 10 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di sini Sabtu bagi memulakan lawatan kerja selama sembilan hari bagi tujuan menimba idea baru khusus dalam bidang pendidikan selain mengeratkan hubungan dua hala dengan Australia.

Muhyiddin, yang diiringi isterinya Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Melbourne pada kira-kira 11.30 malam waktu tempatan (8.30 malam waktu Malaysia).

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, mempunyai aturcara yang padat termasuk bertemu rakyat dan pelajar Malaysia dalam kunjungannya ke bandar utama iaitu Melbourne, Gold Coast dan Brisbane.

Antara acara kemuncak dalam siri lawatan itu ialah menyampaikan ucap-tama pada Forum Ekonomi China Dunia (WCEF) di sini pada Isnin ini.

Forum edisi keempat itu, anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), diadakan buat pertama di luar Malaysia.

Pada hari Selasa, Muhyiddin akan diberi taklimat mengenai sistem pendidikan kanak-kanak yang sangat berkebolehan dan berbakat yang dikenali Kelab G.A.T.E WAYS Brainwaves di sini sebelum berlepas ke Gold Coast pada sebelah petang.

Timbalan Perdana Menteri juga akan diberi taklimat mengenai perkembangan usahasama Petronas Brisbane dalam projek LNG Gladstone serta mengadakan pertemuan dengan diaspora saintifik Malaysia dan komuniti Malaysia di Gold Coast.

Muhyiddin juga akan diberi talkimat mengenai program Boyston Employment, sebuah program yang membolehkan generasi muda diperlengkapkan dengan kemahiran tertentu bagi memudahkan mereka mendapat pekerjaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708568>